



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1/(23)

Tarikh: 12 OKTOBER 2020

## KENYATAAN MEDIA

### **Perbadanan Bukit Bendera Telah Berjaya Menghantar Permohonan Untuk Disenaraikan Sebagai Rizab Biosfera UNESCO Di Bawah Program Man and The Biosphere (MAB)**

Kelulusan kertas kerja untuk menjadikan Bukit Bendera dan beberapa kawasan sekelilingnya, diberikan pengiktirafan Rizab Biosfera UNESCO, telah berjaya diserahkan kepada UNESCO selepas empat tahun kerja penyelidikan tanpa henti.

*Dossier* telah dihantar kepada Sekretariat UNESCO di Paris oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada 29 September 2020, selepas ianya mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri. Permohonan *dossier* berkenaan akan mengambil masa lebih kurang setahun untuk penilaian di UNESCO.

Cadangan Rizab Biosfera UNESCO akan merangkumi kawasan lebih 20% dari seluruh pulau, termasuk Bukit Bendera sebagai pusat utama, lalu diikuti dengan Taman Negara Teluk Bahang, Taman Botani Pulau Pinang, 6 hutan simpan iaitu Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Hutan Simpan Teluk Bahang, Hutan Simpan Laksamana, Hutan Simpan Penara Bukit, Hutan Simpan Highlands, dan Hutan Simpan Pantai Acheh serta 2 empangan iaitu Empangan Teluk Bahang dan Empangan Ayer Hitam dengan keluasan 12,481 hektar.

Menurut UNESCO, Rizab Biosfera adalah kawasan yang terdiri daripada kawasan daratan dan kawasan marin atau kawasan gabungan yang setiap satu diiktiraf secara peringkat antarabangsa di bawah program UNESCO *Man and the Biosphere (MAB)*. Program MAB telah dilancarkan pada tahun 1971 oleh UNESCO merupakan program saintifik antara Kerajaan yang menetapkan asas saintifik bagi memperkukuhkan hubungan dan pertalian antara manusia dengan alam sekitar. Ia mencadangkan agenda penyelidikan antara disiplin dan aktiviti pembangunan keupayaan berkaitan kehilangan biodiversiti dari sudut ekologi, sosial dan ekonomi dipertingkatkan sebagai salah satu usaha untuk merapatkan hubungan antara manusia dan biodiversiti.

Rizab Biosfera Bukit Bendera akan berfungsi sebagai pusat hijau utama untuk Pulau Pinang di mana aktiviti ekonomi yang mampan diselarikan dengan usaha pemuliharaan alam semula jadi. Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) percaya bahawa rangka kerja MAB dapat memacu keperibadian masyarakat dalam mewujudkan keseimbangan antara komuniti dan persekitaran.

Pengiktirafan UNESCO akan memberi kebaikan dalam membantu usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Bukit Bendera sebagai sumber hutan yang kaya dengan biodiversiti merangkumi pelbagai spesis flora dan fauna serta spesis endamik yang terdapat di kawasan bukit.

“Pewartaan ini akan memperkasakan pendidikan untuk pembangunan dan pemuliharaan melalui kerja penyelidikan saintifik yang mendalam. Langkah ini akan menjadikan Pulau



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

Pinang sebagai pusat kecemerlangan global dalam penyelidikan kelestarian, kepelbagaian biologi dan pemuliharaan yang dipacu oleh akademik tempatan, di samping akan mewujudkan potensi dan terus-menerus menyumbang mempromosikan eko-pelancongan. Melalui komponen pendidikan projek ini, kita akan meningkatkan kesedaran dalam pembangunan lestari di negara kita dan meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan” kata Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), YAB Tuan Chow Kon Yeow.

“Seperti semua sedia maklum, tindakan ini akan memberi impak yang amat besar pada masa akan datang. Walaupun projek ini dibawah pengelolan PBBPP, namun ia tidak akan berjaya tanpa sokongan jitu daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, agensi kerajaan, rakan ahli akademik dan *The Habitat Foundation*. Oleh itu, saya berasa amat bersyukur dengan semua pihak yang telah menyumbang kemahiran dan masa untuk menjadikan permohonan ini satu kenyataan” menurut Ketua Menteri Pulau Pinang.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang, YB. Yeoh Soon Hin sangat optimistic mengenai Rizab Biosfera yang berpotensi untuk Pulau Pinang. “Sekiranya usaha untuk menjadikan Bukit Bendera dan beberapa kawasan sekelilingnya diktiraf sebagai Rizab Biosfera UNESCO, ia akan menjadi penerimaan kedua yang diberikan kepada Pulau Pinang oleh organisasi tersebut dan akan menjadikan pengiktirafan ketiga untuk Malaysia. Georgetown telah mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, 12 tahun yang lalu pada tahun 2008. Kita menjangkakan transformasi yang lebih hebat menyusul dengan penambahan status ini yang akan mempergiatkan usaha untuk memulihara dan melestarikan warisan budaya serta landskap semula jadi yang unik di Pulau Pinang. Usaha ini juga akan mempromosikan Pulau Pinang sebagai tapak eko pelancongan dan kepelbagaian tarikan yang ditawarkan kepada pelancong” menurut Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif.

UNESCO telah menyenaraikan sebanyak 701 tapak di 124 negara termasuk 21 tapak rentas sempadan. Di Malaysia terdapat dua rizab yang diiktiraf oleh UNESCO, iaitu Tasik Chini di Pahang pada 2009 dan Banjaran Crocker, Gunung Kinabalu, Sabah pada 2014.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 345 atau emel kepada [cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my).

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah  
Perbadanan Bukit Bendera Pulau  
Pinang  
Tel: 04-828 8880  
[cheryl.cheah@penanghill.gov.my](mailto:cheryl.cheah@penanghill.gov.my)

Mohamad Naszeem  
Perbadanan Bukit Bendera Pulau  
Pinang  
Tel: 04-828 8880  
[naszeem@penanghill.gov.my](mailto:naszeem@penanghill.gov.my)



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

*Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang*

*No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862*

*Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)*

---